

- 5 (a) Jelaskan keistimewaan perundangan Islam berbanding dengan undang-undang konvensional. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** kepentingan hukum Qadha dalam perundangan Islam. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** keperluan fatwa kepada perkembangan sistem perundangan Islam. [4 markah]

TAWARAN A

Jawatan : Pegawai Pemasaran
 Gaji Pokok : RM5,000
 Elaun Kehadiran : RM 600.00
 Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda
 Bonus : 2 bulan gaji
 Cuti Tahunan : 15 hari setahun
 Etika berpakaian : pakaian sopan tetapi tidak dibenarkan bertudung
 Waktu rehat : 12.00 – 1.00 Petang

TAWARAN B

Jawatan : Pegawai Pemasaran
 Gaji Pokok : RM4,000
 Elaun Kehadiran : RM 300.00
 Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda
 Bonus : 1 bulan gaji
 Cuti Tahunan : 10 hari setahun
 Etika berpakaian : wajib menutup aurat bagi muslim.
 Waktu rehat : 12.00 – 1.00 Petang

- (d) Anda telah mendapat dua tawaran kerja dari syarikat yang berlainan seperti di atas. Buat **satu** pilihan yang sesuai dengan kehendak Islam dan berikan **tiga** alasan anda. [4 markah]
- (e) Mengapakah hukuman takzir diputuskan mengikut kebijaksanaan hakim ? [2 markah]
- (f) Jelaskan konsep pembalasan dalam hukum jenayah Islam [2 markah]
- 6 (a) Nyatakan **tiga** kebaikan umat Islam yang mempunyai kekuatan ekonomi. [6 markah]
- (b) Bincangkan **dua** cara mewujudkan perpaduan dalam masyarakat Islam melalui akidah. [4 markah]

Seorang perempuan telah disahkan mengandungi kesan perbuatan zina yang dilakukan bersama teman lelakinya. Pada masa yang sama beliau telah ditunangkan dengan seorang lelaki pilihan keluarganya. Rakan baiknya telah menasihati perempuan tersebut agar menggugurkan kandungannya bagi menutup perbuatan zinanya.

- (c) Berikan **tiga** tindakan yang sewajarnya dilakukan oleh perempuan tersebut yang bersesuaian dengan hukum Islam. [6 markah]
- (d) Jelaskan kebaikan menyelesaikan masalah secara Islam. [4 markah]
- 7 (a) Kesempurnaan dalam melakukan ibadat merupakan syarat utama ibadat tersebut diterima oleh Allah SWT. Jelaskan syarat kesempurnaan tersebut [4 markah]
- (b) Bincangkan **tiga** keistimewaan sesebuah perkahwinan kepada masyarakat. [6 markah]
- (c) Bincangkan **dua** cara Islam dapat menguatkan ekonomi umatnya melalui akhlak. [4 markah]

Seramai 21 orang pelajar daripada sebuah sekolah menengah telah di tangkap semasa sedang leka bermain video game di sebuah pusat cyber cafe pada waktu persekolahan. Setelah pemeriksaan air kencing dilakukan, mereka semua didapati positif dadah.

- (d) Huraikan **tiga** kesan kepada pelajar jika sekiranya masalah masalah di atas dapat diselesaikan melalui pendekatan kerohanian. [6 markah]

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan insan [2 markah]
(ii) Terangkan **empat** perkara yang mesti manusia lakukan bagi menunaikan tanggungjawabnya kepada Allah SWT [4 markah]
(b) (i) Berikan pengertian al-Quran. [2 markah]
(c) Nyatakan **dua** bentuk pemikiran yang disarankan oleh Islam. [4 markah]
(d) Jelaskan **dua** peranan hadis dalam membimbing manusia melaksanakan ibadat. [4 markah]

Secara umumnya, muzik dan seni suara adalah merupakan hasil kreativiti yang mencerminkan manifestasi pemikiran, emosi, dan inovasi manusia. Ianya adalah sebahagian daripada aktiviti rekreasi manusia yang terkandung di dalamnya seni, budaya, hiburan, kehalusan bahasa dan juga pemikiran yang sentiasa diperbincangkan dalam mana-mana sejarah, kebudayaan dan tamadun manusia.

- (e) Berdasarkan kenyataan di atas, apakah pandangan anda mengenai hiburan dari perspektif Islam. [4 markah]
- 2 (a) Nyatakan **dua** contoh kepatuhan makhluk ciptaan Allah SWT kepada sunnatullah. [4 markah]

Islam mengariskan kesederhanaan antara kehidupan dunia dan akhirat, sebagaimana yang ditekankan dalam konsep waqfiyyah.

- (b) Terangkan konsep tersebut dan contohnya sekali dalam bidang
(i) Akidah
(ii) Kebendaaan [4 markah]
- (c) Syumuliyah ialah Islam merangkumi semua aspek kehidupan manusia samada di dunia dan di akhirat.
Terangkan **dua** panduan melakukan muamalat selaras dengan prinsip syumuliyah. [4 markah]
- (d) Nyatakan **dua** perbuatan yang boleh anda lakukan dalam mencegah kemungkaran yang bersesuaian dengan prinsip alamiyyah. [4 markah]
- (e) Dr. Suhailah adalah seorang doktor pakar sakit kelamin di sebuah hospital kerajaan. Biasanya beliau terpaksa merawat pesakit tanpa mengira jantina dan kebanyakan pesakitnya adalah terdiri daripada kalangan kaum lelaki.
Huraikan konsep yang sesuai dengan keadaan Dr. Suhailah semasa menjalankan tugas, yang sesuai dengan kehendak Islam. [4 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan **dua** cara yang mesti dilakukan bagi menjamin keharmonian [4 markah]
dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab pemimpin dalam memastikan keamanan [4 markah]
negara tetap terpelihara
- (b) (i) Antara etika kehakiman ialah seseorang hakim mesti berlaku adil dalam menjatuhkan
sesuatu hukuman.
Berdasarkan kenyataan di atas mengapakah hakim mesti berlaku adil [4 markah]
dalam perbicaraan ?
- (ii) Islam telah menetapkan bahawa untuk mensabitkan kesalahan zina mestilah melalui
empat orang saksi yang adil.
Jelaskan **dua** sebab kesalahan zina memerlukan syarat diatas. [4 markah]
- (c) Seorang penagih dadah telah ditahan kerana mencuri wang tabung sebuah masjid. Beliau
telah diikat di tiang masjid hingga ke petang. Tindakan itu dilakukan oleh AJK masjid supaya
menjadi pengajaran kepada orang lain agar tidak melakukan perbuatan yang sama,
Pada pendapat anda betulkah tindakan yang telah diambil oleh AJK masjid [4 markah]
tersebut, Berikan **tiga** hujjah anda
- 4 (a) (i) Berikan **dua** peraturan dalam pemilikan harta menurut Islam [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** bentuk pelanggaran hak milik dalam Islam [2 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** keburukan menceburi bidang pekerjaan yang haram [4 markah]
kepada seseorang individu
- (ii) Terangkan **dua** cara melaksanakan amanah Allah SWT melalui [4 markah]
pekerjaan
- (c) Bincangkan **dua** kelebihan bermuamalah menurut Islam [4 markah]
- (d) En. Shakirin baru tamat pengajian dalam bidang kejuteraan di sebuah Universiti tempatan
dan beliau ingin menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan tetapi kekurangan modal.
Beliau hanya mempunyai sebuah kereta terpakai pemberian daripada abang sulungnya.
Sebagai penasihat kewangan Islam cadangkan sistem muamalah Islam yang
sesuai kepada En. Syakirin bagi merealisasikan impian beliau. [4 markah]